

# PM harap rakyat pentingkan pencapaian dari upah

BH 30 OCT 1981

IPOH, Khamis — Perdana Menteri hari ini mengemukakan satu formula untuk memenuhi 'impian' Kerajaan menjadikan Malaysia negara maju yang dihormati masyarakat antarabangsa.

Dalam hubungan ini, setiap pegawai kerajaan dan rakyat tidak harus menjadikan upah sebagai faktor penentu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

"Upah sahaja hendaklah jangan dijadikan pendorong, tetapi yang lebih penting ialah rasa bangga terhadap pencapaian."

Tegasnya, walaupun negara ini tidak mempunyai ramai pakar yang handal, kesanggupan bekerja keras dan menjadikan kecekapan yang tinggi sebagai etika bekerja, akan membolehkan tercapainya cita-cita yang diidamkan.

Malaysia mempunyai dasar pembangunan yang tidak mempunyai bandingan dengan negara-negara lain. Apa yang perlu sekarang ialah perubahan nilai rakyat untuk memastikan tidak ada lagi projek tergendala dan terlambat.

Katanya, ketika negara-negara lain terpaksa meminta bantuan untuk pembangunan mereka, Malaysia mempunyai wang sendiri untuk berbuat demikian.

Perdana Menteri berucap merasmikan seminar dua hari mengenai pembangunan, di sini.

Oleh **ABDUL RAZAK RAFLIS**  
dan **RAJA AHMAD ZAINUDDIN**

Seminar anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Kerajaan Negeri itu disertai oleh pegawai-pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat dari seluruh negeri Perak.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyebut Jepun dan Korea Selatan di mana kedua negara berkenaan, terutama Jepun, menjadi sebuah kuasa ekonomi terkuat di dunia kerana rakyatnya tidak mementingkan upah tetapi sanggup bekerja keras.

Katanya, mereka akan berasa malu jika tidak dapat menyiapkan kerja dalam masa ditetapkan.

Oleh sebab itu, katanya, pegawai-pegawai Jepun jarang pulang awal sebelum menyiapkan kerja mereka.

Katanya, sekiranya pegawai-pegawai di negara ini tidak sanggup bekerja rajin dan tidak bangga dengan pencapaian mereka, tidak ada perkara yang akan tercapai.

Semua peringkat pemimpin masyarakat, baik kampung atau pusat, perlu memahami sebenar-benarnya erti pembangunan.

Dalam sebuah negara demokratik seperti Malaysia, pembangunan bukan sahaja bergantung kepada pegawai-pegawai tadbir malah memerlukan tindakan bersama dari semua pihak.

Perdana Menteri menegaskan Kerajaan bukan sahaja menumpukan

kepada peningkatan kecekapan pegawai-pegawai semata-mata, malahan juga menumpukan perhatian kepada kerjasama dan kebolehan mereka terlibat dalam pembangunan, khususnya pemimpin-pemimpin politik.

Katanya, walaupun negara ini boleh dikatakan telah 'cekap' dalam bidang pembangunan tetapi masih terdapat rancangan-rancangan yang tidak tercapai, bahkan kadangkala cuma setengah atau 40 peratus sahaja peruntukan pembangunan dapat digunakan.

Soalnya bukan lagi masalah membuat keputusan atau dasar, tetapi 'zaman mengurus' untuk mencapai matlamat dituju.

"Kalau hendak berniaga atau memimpin negara, kita memerlukan kebolehan pengurusan," ujar beliau.

Perdana Menteri juga menegaskan perlunya ditingkatkan kecekapan dan kemampuan dalam melaksanakan semua projek yang dirancang.

Walaupun Malaysia terdiri dari rakyat bersikap sederhana yang membawa kestabilan kepada negara tetapi "kita mesti rajin dan bersedia bekerja keras bukan kerana upah tetapi rasa bangga terhadap pencapaian."

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau sendiri sedang meniggikan kecekapan bekerja, bukan kerana gaji sebagai Perdana Menteri, tetapi kerana megah kepada negara.

## Bersyukur

"Kita mahu orang lain berkata, jika rakyat negara ini menyatakan sesuatu, mereka akan lakukan, bukan hanya cakap kosong," tambah beliau.

Perdana Menteri berkata, kenyataan mengatakan 'orang Melayu pemalas', 'suka berpoya-poya' atau komen 'lihat seperti Singapura' haruslah berakhir.

Malam tadi, Perdana Menteri meminta rakyat berbilang bangsa di negara ini bersyukur dengan apa yang boleh mereka perolehi dan nikmati.

Mereka juga perlulah berikrar untuk mengekalkan kestabilan ekonomi yang sedia wujud.